

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA KEMPEN ENVIRO 2000 DI LAKE CLUB, KUALA LUMPUR PADA 16HB SEPTEMBER, 1971

Tuan Pengerusi, Y.B. Datuk Ong Kee Hui,¹ Saudara-saudara sekalian.

Pada mula-mulanya saya merasa hairan juga apakah sebenarnya maksud Pamiran yang dinamakan Enviro 2000 ini.

Sekali imbas, saya teringat kepada siri filem "science-fiction" dalam television yang sentiasa menarik perhatian anak-anak kita, mengenai exploit space-adventurers mengawal keamanan di ruang angkasa. Sangkaan saya itu, meskipun tidak begitu tepat, tetapi tidaklah jauh dari gambaran yang ada di depan kita petang ini. Hanya bezanya, Enviro 2000 ini bukan terletak di angkasa lepas tetapi berjejak di bumi nyata Ibu Kota Kuala Lumpur ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Penyelenggara Pamiran ini, dan khasnya kepada Pertubuhan Akitek Malaysia, kerana inisiatif dan usaha mereka melahirkan "brain-child"nya dalam cara yang sungguh menarik dan mengagumkan. Sudah tentulah orang ramai, terutama bersama-sama saya merasa bangga serta terhutang budi kepada kumpulan professional kita yang menunjukkan minat dan tanggungjawab untuk menyumbangkan bakti kepada negara.

Pada pandangan saya, projek "Enviro 2000" ini bukan saja membuktikan kesanggupan golongan akitek kita, tetapi kepada kita amnya Pamiran ini merupakan satu pengalaman—experience—yang amat berguna kerana memberikan gambaran hari depan Ibu Kota ini.

Saudara-saudara sekalian,

Sepertimana kita semua maklum, selepas kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah untuk merancang semula pembangunan bandar-bandar besar di negara kita terutama sekali Ibu Kota Kuala Lumpur. Kita beruntung

¹ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan.

pakar-pakar dari luar negeri dan bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkenaan, mereka telah menyediakan Kuala Lumpur Comprehensive Development Plans, yang menggambarkan pembaharuan Ibu Kota ini pada keseluruhannya.

Bagaimanapun, Kerajaan berpendapat adalah baik kalau orang ramai diberi peluang melihat projek perancangan Ibu Kota itu dengan tujuan supaya mereka boleh mengemukakan pendapat dan pandangan setakat yang melibatkan diri mereka.

Berhubung dengan itu, sesungguhnya amatlah menggembirakan saya bahawa Pertubuhan Akitik Malaysia telah tampil ke hadapan dengan cara yang constructive seperti ini, dengan mengadakan model-model yang lengkap dan menarik hati.

Saya bersetuju penuh bahawa enlightened public opinion adalah satu faktor yang mustahak dalam usaha Kerajaan hendak membawa pembaruan terutama mengenai pembangunan bandar. Kerajaan telahpun menubuhkan Urban Development Authority dan antara tugas-tugasnya yang penting ialah merancang supaya keadaan dalam bandar benar-benar mencerminkan pembahagian penduduk negara ini. Ibu Kota Kuala Lumpur ini merupakan tapak permulaan untuk menjalankan rancangan-usaha UDA ini dan sudah tentu sekali Pertubuhan Akitik Malaysia bersedia memberikan bantuan dalam apa cara yang mungkin dikehendaki oleh UDA kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Adalah satu kenyataan bahawa pengaruh tekanan sains ke atas teknologi dalam tahun-tahun yang lampau ini menyebabkan perubahan-perubahan besar kepada keadaan hidup manusia. Cara hidup manusia mesti berubah dengan keadaan masa, tetapi kita bagaimanapun mestilah cuba merancang supaya keadaan baru itu mendorong kemajuan yang lebih besar kepada orang-orang kita.


Barangkali adalah terlalu awal bagi kita merancang Kuala Lumpur sebagai sebuah "Tetrahedral City" yang bertingkat-tingkat seperti pyramid. Tetapi, adalah sebaik-baiknya pula kita memikirkan bentuk dan corak tempat tinggal kita ini kalau Tuhan mengizinkan kita hidup hingga masuk kurun dua puluh satu kelak—dan gambaran ini sudahpun dapat dilihat dari Pamiran Enviro 2000 ini.

Tidak syak lagi kehidupan manusia dalam tahun-tahun akan datang kelak akan terus bergantung kepada berbagai jenis jentera, untuk membawa kita dari setempat ke setempat, untuk menerbangkan kita, membantu pertanian dan sebagainya. Meskipun zaman jentera—machine age—membawa bersama-samanya masalah-masalah ecology seperti air pollution, water pollution dan pemusnahan landscape, tetapi menafaatnya tidak dapat dinafikan. Hanya kita baru sedar akan masalah-masalah itu dan cuba mengurangkan akibat-akibat buruk darinya dalam apa jua cara.

Kita tentu ingin melihat Ibu Kota Kuala Lumpur ini, menjelang tahun 2000 kelak, mempunyai kemudahan-kemudahan yang setanding dengan Ibu Kota yang lain-lain. Bahagian-bahagian bandar lama, yang tidak mempunyai nilai-nilai sejarah, hendaklah digantikan dengan bangunan-bangunan baru dan kalau dapat biarlah berubah corak sama sekali dengan segala kemudahan bagi penduduk-penduduknya.

Pamiran Enviro 2000 ini boleh disifatkan sebagai titek permulaan ke arah pembaruan yang kita ingini. Saya berharap semua pihak yang berkenaan—pihak Kerajaan, pihak swasta dan orang ramai—akan memberikan perhatian penuh kepada usaha ini bersama-sama memberikan pandangan dan pendapat demi kebajikan kita dan jenerasi-jenerasi akan datang.

Saya dengan sukacitanya melancarkan Kempen Pamiran Enviro 2000 ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang diberi penerangan tentang Penyelidikan barah semasa merasmikan Hari Terbuka Ulangtahun ke 70 Pusat Penyelidikan Perubatan, Jalan Pahang, Kuala Lumpur pada 18hb September, 1971.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)